

10/01/2004

`Peralihan kuasa era Dr Mahathir terbaik'

KUALA LUMPUR: Penyerahan kuasa yang dibuat Tun Dr Mahathir Mohamad kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober tahun lalu dianggap paling unik dalam sejarah politik dan kepemimpinan negara.

Ini kerana proses pemindahan kuasa dalam tempoh 16 bulan itu dilakukan secara teliti dan sistematik.

Pandangan itu disuarakan perunding cara pengurusan, Datuk Dr Ismail Noor dalam bukunya *Passing the Baton - From Dr Mahathir to Abdullah Badawi*.

Buku itu dilancarkan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ho Cheong Sing di sini semalam mewakili menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Ismail yang berkhidmat dalam perkhidmatan pentadbiran dan diplomatik selama beberapa tahun sebelum meletak jawatan untuk menubuhkan firma runding cara pengurusan, berkata buku itu ditulis setelah kajiannya mendapati setakat ini belum ada sebarang penulisan dibuat mengenai proses penyerahan kuasa secara sistematik.

"Perancangan secara berterusan untuk tentukan proses pengambilalihan ialah satu proses yang sah dan boleh dicontohi," katanya.

Menurut Dr Ismail, pandangannya berdasarkan pemerhatian peribadi beliau sejak pengumuman persaraan Dr Mahathir.

"*Passing the Baton* menceritakan dengan lengkap proses yang diambil Dr Mahathir dalam tempoh 16 bulan itu, bagaimana beliau melantik penggantinya hingga pengambilalihan kuasa berlaku," katanya.

Antara lain, katanya, buku berkenaan menceritakan mengenai konsep kesetiaan dan kewibawaan, tujuh peringkat proses penyerahan kuasa serta persediaan pengganti untuk mengambil alih kuasa.

Buku yang mengutarakan isu kepemimpinan itu mempunyai mesej tersendiri iaitu setiap peralihan dan pemindahan kuasa memerlukan perancangan dan pemikiran yang teliti.